

SOALAN NO. : <sup>262</sup>~~265~~

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]**

**SOALAN :**

**YB Dr. Ong Kian Ming [Serdang]** minta **Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kriteria Kajian Dampak Sosial dan Alam Sekitar (SEIA) yang dijalankan dalam pelan pembangunan empangan besar memenuhi piawaian hak asasi manusia antarabangsa seperti UNDHR dan UNDRIP.

## **JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian impak alam sekitar bagi pembinaan empangan adalah merupakan satu keperluan perundangan Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Kajian penilaian kesan kepada alam sekeliling (*Environmental Impact Assessment, EIA*) hendaklah dijalankan dan laporan ini dikemukakan kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar sebelum pembinaan empangan dilaksanakan. Bagi memastikan impak terhadap komuniti setempat, termasuk orang asli atau pribumi dikaji dalam laporan EIA ini, satu garis panduan EIA spesifik bertajuk "*EIA Guidelines for Dams And/ Or Reservoirs Project*" telah diterbitkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi memberi panduan kepada pemaju projek dalam menjalankan kajian impak alam sekitar, termasuk skop kajian terhadap komuniti setempat, orang asli atau pribumi.

Dalam menjalankan kajian tersebut, pemaju projek dan juru runding EIA perlu melaksanakan sesi dialog dengan masyarakat orang asli atau pribumi dengan memberi penerangan berkenaan cadangan projek, impak yang telah dikenal pasti dan cadangan langkah-langkah kawalan serta mendapatkan pandangan dan maklumbalas mengenai cadangan projek tersebut.

Sekian, terima kasih.